

11/03/2001

Nik Aziz syor satu saja parti Melayu

KOTA BHARU: Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mencadangkan agar diwujudkan satu saja parti yang mewakili orang Melayu jika mahu bangsa itu bersatu.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan parti yang mewakili orang Melayu sekarang, salah satu daripadanya sama ada Umno atau Pas harus dibuang (bubar).

"Kalau Umno nak kepada perpaduan Melayu, kita kira buang sebuah parti. Parti mana yang kena buang, kita ketepikan dulu. Kita boleh kira semula (bincang kemudian).

"Biar tentukan sebuah saja parti wujud. Pas atau Umno," katanya dalam ceramah Pas, di Padang Perdana, di sini, malam semalam.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, beliau akan mencadangkan kepada Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor supaya mengemukakan kepada Jawatankuasa Agung parti untuk memasukkan satu lagi agenda perbincangan dalam perundingan Umno-Pas mengenai perkara itu.

Katanya, perkara itu boleh dikemukakan untuk dibincang dan menentukan parti mana perlu dibubar supaya satu parti saja wujud mewakili orang Melayu.

"Satu teori yang ditimbulkan malam ini, ialah perundingan yang akan dibuat Presiden Pas (Fadzil) selepas balik dari Makkah.

"Saya tak nak fikir lagi malam ini, Pas atau Umno kena buang tetapi dalam perundingan (Umno-Pas), saya nak beritahu kepada Presiden supaya kemuka kepada Jawatankuasa Agung parti untuk dibincang.

"Kita bincang buang satu parti macam mana. Kalau tidak Pas, Umno... kalau tidak Umno, Pas," katanya.

Nik Abdul Aziz berkata, seperti Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nyatakan kepada Parti Melayu Semangat 46 (S46) sebelum ini, kalau S46 Melayu dan Umno pun Melayu maka buang satu parti.

(END)